

23/03/2001

Rais jumpa sultan untuk selesai kes pengampunan tertunggak

PUTRAJAYA, Khamis - Lembaga Pengampunan akan cuba menyelesaikan 248 kes tertunggak dalam masa terdekat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Katanya, laporan perundangan semua kes terbabit sudah disiapkan Jabatan Peguam Negara (JPN) dan beliau akan mengadakan pertemuan dengan Sultan atau Yang Dipertua di setiap negeri bagi memohon Jemaah Pengampunan Negeri menyegerakan keputusan berhubung kes berkenaan.

"Pertemuan pertama saya ialah dengan Sultan Pahang Sabtu ini bagi menyelesaikan 24 kes pengampunan di negeri itu, iaitu jumlah terbesar berbanding negeri lain.

"Saya juga akan menemui Sultan atau Yang Dipertua negeri lain yang mengetuai Lembaga Pengampunan masing-masing supaya kes yang dirujuk dapat diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan atau sistem mahkamah sedia ada dengan secepat mungkin.

"Bagi kes pengampunan di persekutuan pula, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menemui Yang di-Pertuan Agong untuk merumuskan jalan penyelesaian berdasarkan laporan perundangan yang disediakan JPN," katanya selepas lawatan ke pejabat baru JPN di Putrajaya, hari ini.

Rais berkata, penyelesaian semua permohonan pengampunan terbabit tidak menghadapi sebarang masalah kerana ulasan perundangan serta laporan lengkap mengenainya sudah disediakan Fauziah.

Lembaga Pengampunan adalah peluang terakhir untuk melepaskan diri daripada hukuman bagi sesiapa yang rayuannya ditolak Mahkamah Persekutuan selepas semua proses rayuan mengikut prosedur mahkamah sudah selesai.

Rais berkata hampir semua kes berkenaan sudah lama tertunggak dan pesalah yang terbabit masih menunggu keputusan sama ada akan meneruskan hukuman yang dijatuhkan atau diampun serta diringankan hukuman oleh Lembaga Pengampunan.

Mengenai lawatan ke jabatan itu, Rais berkata beliau selaku menteri yang bertanggungjawab mengenai hal undang-undang, mahu memastikan segala keperluan termasuk kakitangan serta sumber sokongan seperti perpustakaan serta bahan penyelidikan, memadai untuk memastikan kecekapan operasi JPN.

Secara keseluruhan, katanya, jabatan itu mempunyai segala keperluan asas tetapi masih perlu dipertingkatkan, khususnya perpustakaan undang-undang yang kekurangan sumber rujukan dan semakan undang-undang.

Rais berkata jabatan itu juga sudah memohon penubuhan sebuah kumpulan pakar rujuk terdiri daripada bekas hakim, bekas peguam, bekas pegawai pendakwa dan anggota akademik, bagi membantu badan itu.

Katanya, hubungan di kalangan pihak berkuasa, badan kehakiman serta JPN juga perlu dipererat untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang mantap.

(END)